

Isu Baitulmuqaddis: Pertubuhan2 Islam sokong Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad. — Pertubuhan-pertubuhan Islam di sini hari ini menyokong saranan tegas Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad berkaitan dengan isu Baitulmuqaddis.

Datuk Seri Dr. Mahathir dalam ucapannya semasa merasmikan Hari Baitulmuqaddis anjuran Pemuda UMNO semalam berpendapat hanya kekuatan bersenjata sebagai jalan terakhir dapat membebaskan Baitulmuqaddis dari cengkaman Yahudi.

"Jihad adalah perlu kalau semua jalan lain gagal," tegas Setiausaha Agung Pas, Ustaz Nakhai bin Haji Ahmad ketika dihubungi.

Kearah ini beliau menekankan, pentingnya diwujudkan perpaduan dikalangan negara-negara Islam terutamanya negara-negara Arab.

Beliau percaya isu Baitulmuqaddis ini boleh dijadikan sebagai titik permulaan untuk umat Islam bersatu membela agama mereka.

"Tetapi hanya juga bergantung kepada keikhlasan umat Islam itu sendiri sama ada mereka benar benar ingin berjihad dijalan Allah atau mempunyai motif lain," sambungnya

lagi.

Menurutnya, negara-negara Islam mestilah sanggup melepaskan diri dari kongkongan ideoloji kuasa-kuasa besar di semua bidang terutamanya di bidang ekonomi, politik dan pemikiran sebelum mengumumkan jihad.

Dalam mengalukan tindakan Pemuda UMNO untuk menghantar perutusan kepada Presiden Anwar Sadat dan Presiden Carter untuk mendapatkan kerjasama mereka menyelesaikan isu Baitulmuqaddis beliau menambah: "Usaha-usaha diplomasi dan tekanan ekonomi perlulah diteruskan sebelum mengambil keputusan untuk berjihad."

Angkatan Belia Islam Se Malaysia (ABIM) pula berpendapat hanya Jihad sahaja yang boleh membebaskan Palestine dari kekuasaan Yahudi.

"Semua jalan lain

termasuk cara perundingan dan cara cara diplomasi yang lain akan gagal. Ianya hanya merugikan masa dan usaha," tegas Naib Yang Dipertua Antarabangsa ABIM, Encik Kamaruddin Mohamad Noor.

Katanya lagi semua perundingan akan gagal sekiranya kuasa kuasa besar termasuk Amerika Syarikat dan Soviet Russia masih mahukan campurtangan.

Dalam menghadapi krisis akibat dari kedegilan Yahudi ini, negara negara Islam hanya akan dapat kejayaan sekiranya perjuangan mereka hanya berlandaskan kepada kecintaan terhadap Allah.

Beliau menyarankan supaya negara negara Islam menyelesaikan percanggahan antara mereka dalam mengemuling tenaga kesatuan arah untuk membebaskan Baitulmuqaddis.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia